



Dapatkan edisi BH Digital. Hanya RM20 sebulan.

[LANGGAN SEKARANG](#)



- UTAMA
- SEMASA
- POLITIK
- SUKAN
- DUNIA
- BISNES
- JENAYAH
- KOLUMNIS
- RENCANA
- BH@IT
- HIBURAN
- FOTO
- VIDEO

Get even more with the all new UniFi **30** ADVANCE PLAN™. Hover Now > **Unifi** Life Made Easier. **TM**

**SEMASA**

KHAMIS, 12 NOVEMBER 2015 @ 1:55 PM

## Najib gembira kemajuan projek MRT

[Tweet](#) 43 [Like](#) [Share](#) 1.9k [G+](#) 0



NAJIB melawat depoh MRT Sungai Buloh, semalam. - Foto Twitter @najibrazak

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak berpuas hati dengan kemajuan projek pembinaan Transit Aliran Massa (MRT) yang disifatkannya memberi banyak faedah kepada ekonomi negara dan rakyat.

Perdana Menteri berkata ia terserlah daripada hasil lawatannya ke depoh MRT Sungai Buloh, semalam.

"Saya amat gembira dengan pencapaian MRT kerana saya melihat apa yang kita telah rancangkan selama ini, hari ini sudah mula menjadi kenyataan.

"Projek MRT membawa banyak memanfaatkan kepada ekonomi negara dan rakyat memandangkan sebahagian besar daripada projek ini melibatkan syarikat tempatan.

Selain itu, projek ini membawa kepada pemindahan teknologi serta kemahiran yang akan meningkatkan keupayaan kita dalam pembinaan pengangkutan awam," katanya menerusi laman Twitternya hari ini.

Najib berkata projek MRT telah mewujudkan peluang pekerjaan yang berpendapatan dan kemahiran tinggi.



NAJIB berpuas hati dengan kemajuan projek pembinaan MRT. - Foto Twitter @najibrazak

Katanya, pengalaman yang diperoleh daripada pembinaan projek ini akan membolehkan syarikat tempatan menjayakan projek pengangkutan yang serupa di dalam dan luar negara di masa depan.

"Secara keseluruhannya, saya amat berpuas hati dengan kemajuan projek MRT setakat ini dan saya yakin fasa pertama MRT, yang membabitkan 12 stesen dari Sungai Buloh ke Semantan, akan mula beroperasi pada akhir tahun depan seperti yang dijadualkan.

"Semalam, saya melawat depoh MRT Sungai Buloh bagi meninjau perkembangan projek MRT. Saya juga sempat melihat sendiri kereta api yang sudah diuji di depoh ini. Saya difahamkan bahawa keseluruhan pembinaan ketika ini sudah mencapai tahap 73 peratus.

"Kita sudah pun mempunyai 19 buah kereta api, khas untuk jajaran MRT, dan dijangka 35 buah lagi akan kita terima menjelang pertengahan tahun depan," katanya.



PROJEK MRT membawa banyak memanfaatkan kepada ekonomi negara dan rakyat. - Foto Twitter @najibrazak

**DISYORKAN**



Tegar kembali derita, pulang ke kampung tanpa wang



Dua langkah kurangkan stok MSM - Unggah



Mila Jirin sah bergelar isteri Isz Mustapha



Risau kawan murung selepas lakukan zina Unggah

Recommended by

**DISYORKAN**

PM setuju diambil keterangan, kata Ketua Pesuruhjaya SPRM

**DARI SELURUH LAMAN WEB**

Cara Untuk Menyediakan Nasi Tomato (HungryGoWhere)

Jalan lama KL-Bentong ditutup akibat runtuhannya kecil

Azmin akui wujud kelemahan dalam pemberian air percuma

Bomba jangka gelombang kedua banjir lumpur KL-Karak

Tiada pembalakan dekat tanah runtuh KL-Karak - Pengarah...

Recommended by

Cari Kata Kunci

**BALI**  
YOU BELONG HERE. Book now from \$49/night. **airbnb**

**FIMM** Mengawal selia. Mendidik. Melindungi.  
**Melindungi Kepentingan Pelabur**  
www.fimm.com.my

**BH** **abp** 2013  
Anugerah Bintang Popular

**NIB** **NEWS IMAGE BANK**  
Most comprehensive archive in Malaysia

**Meriton Hotel** Book now [Booking.com](#)

<b>Berita</b>	<b>Capaian</b>	<b>Multimedia</b>	<b>Media Sosial</b>	<b>Interaktif</b>	<b>Langgan</b>	<b>Perkhidmatan</b>
Semasa Dunia Bisnes Politik Hiburan Jenayah Politik Rencana Kolumnis Sukan BH@IT	Laman Web Mobile RSS Feed Unit Iklan Pertanyaan Maklumat	Foto Video Sudoku	Facebook Twitter YouTube Instagram	BH TV Rakan BH	Akhbar Digital Akhbar BH SMS Alert	Iklan Web TKlassified News Image Bank (NIB)

**BH ONLINE**  
Hubungi Kami  
Sejarah  
Redaksi  
Disclaimer  
Notis Perlindungan  
Data Peribadi